

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1993/94

Oktober/November 1993

PLG 454 - Penerbitan Rancangan-Rancangan Pendidikan

Masa : [3 jam]

Jawab ENAM (6) soalan semuanya.

BAHAGIAN A

Arahan:

- [1] Bahagian ini mengandungi LIMA (5) soalan.
[2] Jawab Soalan 1, dan DUA (2) soalan lain.

1. Jelaskan dengan memberi contoh-contoh yang sesuai apakah yang dimaksudkan dengan:-

- [a] Kesan 'Doppler'
- [b] Kadar 'signal-bising'
- [c] Kelangsungan (pitch)
- [d] Pengubahan bunyi (distortion)
- [e] Bising (noise)

[20 markah]

2. Senaraikan format rancangan audio yang sesuai untuk pengajaran. Jelaskan dengan terperinci satu daripadanya.

[15 markah]

3. Kualiti sesuatu rancangan audio sangat bergantung kepada skripnya. Nyatakan perkara-perkara penting yang perlu anda ingat semasa menulis skrip rancangan audio.

[15 markah]

4. Apakah persamaan dan perbezaan di antara drama radio dengan drama televisyen dari segi uniti, plot, watak, dialog dan 'setting'?

[15 markah]

...2/-

- 2 -

5. Anda diminta menilai satu rancangan radio pendidikan. Dengan menggunakan satu model yang anda tahu, jelaskan kriteria-kriteria yang digunakan untuk menilai rancangan tersebut.

[15 markah]

BAHAGIAN B

Arahan:

Bahagian ini mengandungi LIMA (5) soalan.
Jawab Soalan 6, dan DUA (2) soalan lain.

6. Skrip penerbitan video boleh disediakan dalam beberapa format tertentu. Jelaskan format-format tersebut. Berdasarkan penceritaan di bawah sediakan satu skrip penerbitan video dengan menggunakan salah satu daripada format yang dijelaskan tadi.

Air tasik dan sungai dibersihkan secara tindakan daripada pelbagai proses semula jadi. Namun begitu, tindakan biologi tidak berkesan lagi kerana manusia membuang bahan-bahan seperti sampah-sarap, bangkai, bahan kimia, najis dan lain-lain ke sungai dan laut. Amalan tidak sihat ini menyebabkan pencemaran air. Keadaan begini menjadi bertambah buruk terutama di sekitar kawasan perindustrian dan pertanian kerana terdapat banyak bahan buangan cecair dan pepejal dialirkan ke dalam sungai atau laut.

Pencemaran air biasanya akibat daripada kegiatan manusia. Terdapat berbagai jenis bahan yang boleh mengakibatkan pencemaran air. Antaranya ialah bahan-bahan buangan rumah tangga yang terdiri daripada sampah sarap, tin-tin kosong, perabut buruk, kertas dan lain-lain dan juga sisa dan baki makanan, bangkai-bangkai haiwan dan najis.

[20 markah]

...3/-

- 3 -

7. Senaraikan jenis-jenis syot penggambaran. Dengan bantuan gambar rajah dan contoh-contoh yang sesuai jelaskan kegunaan setiap syot tersebut.
[15 markah]
8. Anda akan menggunakan satu program video untuk membantu pengajaran anda. Cadangkan satu pendekatan yang akan anda gunakan supaya penggunaannya berkesan.
[15 markah]
9. Bincangkan kelebihan dan kekurangan video sebagai media pendidikan.
[15 markah]
10. Anda bercadang menerbitkan satu program video bagi sekolah anda. Sediakan langkah-langkah perancangan penerbitan program tersebut.
[15 markah]

- ooo00ooo -